

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)5

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

5. Tapak Ekspo Seberang Jaya dibiar sepi dan tidak diguna pakai.
 - (a) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengaktifkan semula sebarang aktiviti di tapak tersebut seperti sebelum ini dijalankan ekspo perniagaan atau Ekspo Agro Bazar?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang menyediakan beberapa opsyen pelan *rejuvenasi* bagi Tapak Ekspo Seberang Jaya bagi memastikan pelaksanaan yang terbaik bagi kawasan ini. Kajian dan perancangan peringkat awalan sedang dilakukan. Pada masa yang sama, pihak PDC juga sedang terlibat dengan beberapa perbincangan dan penelitian bersama pemaju dan pelabur yang berpotensi untuk tujuan tersebut.